

17/03/1997

## Pekerja Malaysia di Singapura boleh buat pilihan

KUANTAN, Ahad - Lebih 20,000 pekerja Malaysia di Singapura berhak membuat keputusan sendiri sama ada mahu meneruskan perkhidmatan di republik itu atau kembali bekerja di tanah air.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek, berkata kerajaan tidak pernah memaksa pekerja terbabit berhenti, sebaliknya bersikap terbuka dengan menyerahkan kepada mereka memutuskannya sendiri.

Katanya, walaupun sumbangan pekerja Malaysia di negara itu tidak dihargai, mereka berhak menentukan masa depan sendiri.

"Kita mengalu-alukan pekerja Malaysia di Singapura kembali ke tanah air bagi memenuhi peluang kerja di sini tetapi kerajaan tidak memaksa mereka berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MCA Pahang di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tidak menghalang rakyat negara ini bekerja di Singapura jika mereka berpendapat pendapatan yang diterima di sana lebih lumayan.

Dalam laporan akhbar Khamis lalu, Lim menasihatkan rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura kembali ke tanah air kerana sumbangan mereka tidak dihargai.

Sementara itu, Lim berkata, kementerian akan berusaha mendaftarkan lebih ramai pesara kerajaan mendapat pekerjaan menerusi skim khas yang diwujudkan Jabatan Tenaga Rakyat (JTR).

Berikutan itu, beliau akan mendapatkan laporan terperinci daripada Ketua Pengarah JTR berhubung laporan akhbar yang menyebut hanya 44 pesara mendapat pekerjaan dalam sektor swasta, setakat ini.

Program yang diwujudkan JTR itu bertujuan menggalakkan pesara kerajaan bekerja dalam sektor swasta bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga buruh, selain mengurangkan pergantungan terhadap buruh asing.

Setakat ini, hanya 44 daripada 811 pesara kerajaan mendapat pekerjaan, berbanding 2,119 peluang pekerjaan yang disediakan JTR.

Baki 767 pesara lagi gagal mendapat pekerjaan berikutan kelayakan yang dimiliki tidak sesuai dengan tugas yang ditawarkan.

(END)